

BAB 3

KAEDAH KAJIAN

Bab ini menghuraikan kaedah yang diambil dalam menjalankan kajian terhadap wacana berita. Huraian bab ini meliputi tiga (3) bahagian iaitu deskripsi data kajian, prosedur kajian dan kerangka teori yang berkaitan dengan kaedah analisis yang akan digunakan.

3.1 DATA KAJIAN

Wacana yang menjadi data kajian ini ialah genre berita yang ditulis dalam bahasa Melayu. Wacana ini dipetik daripada dua (2) akhbar utama berbahasa Melayu iaitu *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*. Untuk keluaran hari minggu edisinya ialah *Mingguan Malaysia* dan *Berita Minggu*.

Saiz korpus wacana ini mengandungi 100 wacana berita politik daripada akhbar *Utusan Malaysia* bertarikh 2 Januari 2001 hingga 27 April 2001 dan 100 wacana berita politik daripada akhbar *Berita Harian* bertarikh 1 Januari 2001 hingga 30 Mei 2001. Panjang keseluruhan teks *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* ini ialah sebanyak 91,354 patah perkataan. Purata panjang perkataan setiap wacana berita ialah 457 patah perkataan. Contoh petikan wacana berita yang digunakan dalam analisis dilampirkan pada Lampiran II, iaitu 61 petikan daripada akhbar *Utusan Malaysia* dan 56 petikan daripada akhbar *Berita Harian*.

Jenis wacana yang menjadi bahan analisis ialah wacana tulis yang tergolong dalam monolog yang tidak interaktif. Dalam akhbar terdapat berbagai - bagai jenis berita yang disiarkan seperti berita masyarakat, jenayah, ekonomi, hiburan, sukan, politik, dan sebagainya (Sulaiman, 1983). Bagaimanapun, untuk kajian ini, jenis berita yang dipilih sebagai bahan analisis ialah berita politik. Berita politik ini merangkumi berita politik tanah air dan berita politik luar negara. Berita politik tanah air adalah berkisar tentang perkembangan politik tanah air misalnya di antara parti UMNO, Pas dan Keadilan; berita perlantikan dan perletakan jawatan menteri kabinet dan ahli parti; keselamatan negara; penyalahgunaan kuasa politik dan sebagainya. Berita politik yang dipilih itu hanya berita yang dimuatkan pada muka surat pertama di kedua-dua akhbar tersebut sahaja. Ini adalah kerana berita tersebut merupakan berita utama yang bersangkutan dengan kepentingan orang ramai, yang dicetak pada halaman pertama surat khabar.

Secara umumnya, format atau struktur berita politik yang dianalisis adalah seperti berikut:

1. **Tajuk berita** yang merupakan gambaran topik berita yang fungsinya memberitahu berita apa yang disajikan.
2. **Atribut** yang memuatkan nama wartawan yang menulis sesuatu berita itu, nama tempat seperti bandar kejadian itu berlaku, dan tarikh atau hari peristiwa itu berlangsung. Semua keterangan ini akan membantu pembaca untuk mengetahui kehangatan sesuatu berita dan di mana sesuatu peristiwa itu terjadi.

3. **Pendulu berita** merupakan ringkasan berita yang diletakkan di bahagian awal berita. Ia juga dikenali sebagai teras berita atau pendahuluan. Pendulu berita ini merupakan bahagian yang penting, yang akan membantu pembaca yang ingin mengetahui isi pokok sesebuah berita.
4. **Tubuh Berita** merupakan keseluruhan daripada peristiwa yang diambil menjadi berita. Tubuh berita merupakan penerusan dan penjelasan lebih lanjut isi pendulu berita.

Untuk tujuan kajian ini, **berita politik** bermaksud berita yang disiarkan dalam akhbar mengenai kerajaan yang memerintah, pilihan raya, parti politik, perundangan, belanjawan negara, cukai dan sebagainya. Berita ini perlu disampaikan kepada rakyat supaya mereka mengetahui perkembangan yang berlaku dalam hal politik negara melalui saluran yang betul. Perkara ini seajar dengan salah satu daripada fungsi akhbar iaitu memberi maklumat kepada rakyat tentang semua hal ehwal kerajaan (Harriss dll., 1989: 464). Orang ramai mengharapkan surat khabar bukan sahaja menjadi pengawas perlakuan kerajaan, tetapi juga memberikan nasihat tentang langkah-langkah progresif yang perlu dilakukan oleh organisasi kerajaan.

Akhbar bukan sahaja memberi maklumat kepada orang ramai, tetapi juga merupakan sumber maklumat yang penting bagi para pemimpin negara. Mengikut Harriss dll. (ibid: 464), setiap hari presiden Amerika mendapat suatu ringkasan berita yang dipilih daripada beberapa banyak surat khabar, tayangan berita televisyen, dan majalah berita. Di setiap pejabat Kongres, para pembantu biasanya

memotong ruangan tertentu daripada surat khabar daerah wakil itu untuk diberikan kepada wakil atau senator tentang peristiwa semasa yang berlaku di daerah. Agensi-agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri kerap membuat langganan berita daripada agensi berita bagi mendapatkan maklumat. Jelaslah, media massa menjadi asas pengetahuan bagi kebanyakan pegawai awam, di samping maklumat lain. Pada pendapat pengkaji, senario yang sama juga berlaku di Malaysia dalam hubungannya dengan berita politik.

3.2 PROSEDUR KAJIAN

Prosedur kajian ini terdiri daripada lima (5) peringkat iaitu penentuan korpus wacana, pemeriksaan korpus, penandaan korpus, pemindahan data mentah ke bentuk data elektronik dan penganalisisan data.

3.2.1 Penentuan Korpus Wacana

Prosedur yang diambil untuk menganalisis bahan kajian bermula dengan penentuan korpus wacana. Pengkaji telah menetapkan untuk memilih wacana berita politik yang terdapat dalam dua (2) akhbar dalam bahasa Melayu iaitu *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*, yang diterbitkan dalam tahun 2001. Kedua-dua akhbar ini dipilih kerana ia merupakan dua (2) akhbar utama dalam tulisan rumi di Malaysia dan merupakan akhbar kebangsaan harian negara berdasarkan edarannya ke seluruh negara dan melaporkan berita dari segenap ceruk rantau.⁴

3.2.2 Pemeriksaan Korpus

Proses seterusnya ialah memeriksa korpus. Tujuannya ialah untuk memastikan wacana berkenaan mengandungi alat-alat kohesif yang ingin diteliti iaitu kata ganti nama dan kata hubung serta mempunyai struktur yang lengkap untuk dianalisis.

3.2.3 Penandaan Korpus

Setelah proses memeriksa korpus selesai, korpus tersebut perlu ditandakan sebagai memberikan pengenalan kepada setiap satunya. Proses menandakan korpus dimulakan dengan memberikan nombor rujukan kepada setiap teks. Nombor rujukan itu dimulakan mengikut tarikh ia mula dikumpul dan diasingkan di antara teks yang dipetik daripada *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia*. Nombor rujukan TU 001 diberikan kepada teks *Utusan Malaysia* bertarikh 02 Januari 2001 hingga seterusnya kepada TU 100 untuk teks terakhir *Utusan Malaysia* bertarikh 27 April 2001. T bermaksud teks dan U bermaksud *Utusan Malaysia* (sumber dipetik) dan 001 bermaksud nombor atau bilangan 1. Untuk teks *Berita Harian* pula ia bermula dengan nombor rujukan TB 101 untuk teks bertarikh 1 Januari 2001 dan berakhir dengan TB 200 untuk teks bertarikh 30 Mei 2001. T bermaksud teks dan B merujuk kepada *Berita Harian*.

Proses menandakan korpus ini merupakan satu keperluan bagi membolehkan kerja-kerja menyemak semula konteks sesuatu ayat yang dianalisis itu dilakukan jika terdapat sebarang keraguan dalam analisis.

3.2.4

Pemindahan Data Mentah Ke Bentuk Data Elektronik

Sebelum analisis dapat dilakukan, oleh kerana data yang diperolehi adalah dalam bentuk teks asal atau data mentah, oleh itu data tersebut perlu dikumpul dalam bentuk elektronik supaya ia menjadi data elektronik. Tujuannya ialah bagi membolehkan data tersebut dianalisis dengan menggunakan komputer berdasarkan pendekatan yang dikenali sebagai "*corpus – based approach*" yang merupakan satu pendekatan dalam bidang linguistik korpus. Pendekatan ini mempunyai ciri-ciri seperti berikut :

- it is empirical, analyzing actual patterns of use in natural texts;
- it utilizes a large and principled collection of natural texts, known as a "corpus" as the basis for analysis;
- it makes extensive use of computers for analysis, using both automatic and interactive techniques;
- it depends on both quantitative and qualitative analytical techniques.

(Biber dll., 1998: 4)

Tujuan pendekatan "*corpus-based approach*" ini ialah bagi mengenal pasti dan menganalisis hubungan pola-pola yang kompleks secara sistematik, yakni ciri-ciri linguistik digunakan dalam kaitannya dengan ciri-ciri linguistik dan bukan linguistik yang lain (ibid: 5). Kajian ini tidak melihat kepada hubungan pola yang kompleks tersebut, tetapi menggunakan pendekatan ini bagi mendapatkan pengiraan taburan kekerapan item linguistik yang dikaji iaitu penggunaan kata ganti nama dan kata hubung.

Setelah data tersebut dipindahkan ke bentuk data elektronik, data tersebut kemudiannya dianalisis dengan menggunakan program yang dikenali

sebagai *WordSmith Tools*, yang dihasilkan oleh Mike Scott dan diedarkan oleh Oxford University Press.

Mengikut Suad (1999), *WordSmith* merupakan satu alat yang sesuai bagi menjalankan analisis tekstur. Alat ini menawarkan ciri-ciri tradisional seperti ‘*concordancer*’, senarai taburan kekerapan, senarai abjad bagi jenis perkataan serta ciri moden seperti *keywords* sebagai satu cara untuk menggambarkan sesuatu teks atau genre. Beliau telah menggunakan program ini dalam kajiannya terhadap Memoranda Perjanjian (1999) dan mengikut beliau program *WordSmith* ini boleh diakses dengan menggunakan komputer IBM dan ia senang digunakan di samping menawarkan banyak ciri.

Noorzan (1998) telah menggunakan program ini dalam kajiannya terhadap Gabungan Perkataan untuk Bahasa Inggeris Perniagaan iaitu satu kajian terhadap korpus perdagangan dan kewangan, telah memberikan satu huraian yang jelas dan mudah mengenai penggunaan program *WordSmith* ini. Mengikut beliau (1998: 97), program ini merupakan “an integrated suite of programs for looking at how words behave in texts”. Ia mampu melakukan analisis frekuensi yang terperinci terhadap ‘*concordanced item*,’ yakni senarai perkataan atau frasa yang dicari dalam konteks korpusnya.

Seperti yang telah dinyatakan dalam empat (4) perenggan di atas, program ini digunakan untuk mendapatkan senarai taburan kekerapan kata ganti nama dan kata hubung yang digunakan dalam wacana berita yang dikaji. Semua senarai kata ganti nama dan kata hubung yang dikaji telah dinyatakan pada bahagian

3.3.2. Mengikut Sinclair (1991: 30), sesiapa yang mengkaji sesuatu teks perlu mengetahui berapa kali sesuatu perkataan itu wujud. Dengan memeriksa senarai kekerapan, seseorang pada peringkat awalnya akan mendapat idea tentang kandungan sesuatu teks dan seterusnya akan menggunakan maklumat tersebut sebagai fokus dalam sesuatu penyelidikan. Dalam teks yang mengandungi seribu perkataan atau lebih, ia adalah berguna untuk dikaji taburan kekerapan berbanding dengan teks yang pendek. Memandangkan jumlah perkataan dalam data kajian ialah sebanyak 91,354 patah perkataan, oleh itu pendekatan ini adalah sesuai untuk mendapatkan taburan kekerapan data yang dikaji.

3.2.5 Penganalisisan Data

Sistem penganalisisan data dimulai dengan menghuraikan struktur organisasi wacana berita mengikut kerangka Swales (1981, 1990) (lihat Bab 4). Analisis taburan kekerapan dilakukan semasa penghuraian item rujukan dan kata hubung dalam bahasa Melayu (lihat Bab 5). Seterusnya penganalisisan data dilakukan terhadap alat kohesif rujukan (lihat Bab 6) dan kata hubung (lihat Bab 7) dengan menggunakan kerangka Halliday dan Hasan (1976).

3.3 KERANGKA ANALISIS

Seperti yang telah dinyatakan dalam Bab 1, kajian ini mempunyai dua (2) tujuan iaitu pertama untuk mengkaji dan mengenal pasti struktur genre yang terdapat dalam wacana berita politik akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*.

Kerangka analisis yang digunakan untuk kajian struktur ini ialah analisis genre yang diperkenalkan oleh Swales (1981, 1990). Tujuan kedua yang merupakan tujuan utama kajian ini ialah untuk menunjukkan bagaimana kohesi atau tautan dapat diwujudkan dalam wacana berita dengan menggunakan alat kohesif rujukan dan kata hubung. Untuk tujuan kajian ini, kerangka analisis yang digunakan ialah analisis kohesi yang diperkenalkan oleh Halliday dan Hasan (1976).

Kesan hasil keseluruhan kedua objektif kajian ini ialah ia menggabungkan dua (2) model iaitu model Swales dan model Halliday dan Hasan bagi mengkaji wacana berita politik. Dengan itu, kajian ini juga merupakan gabungan dua (2) fokus iaitu aspek struktur genre berita dan aspek kohesi wacana berita. Kombinasi kedua-dua tujuan kajian ini merupakan sudut yang belum diterokai oleh pengkaji tempatan.

3.3.1 Analisis Genre

Analisis Genre yang digunakan untuk menganalisis struktur generik teks berita ini ialah yang diperkenalkan oleh Swales (1981, 1990). Swales (1981) mula menggunakan terma “analisis genre” dalam kerjanya yang berhubung dengan Bahasa Inggeris Untuk Tujuan Khusus. Analisis genre yang dimaksudkannya ialah satu sistem analisis yang boleh memperlihatkan pola organisasi atau penyusunan sesuatu genre.

Dalam analisis Swales iaitu pada tahun 1981 dan 1990, beliau memperkenalkan istilah ‘move’ atau gerakan apabila mengkaji bahagian pendahuluan artikel. Dalam kajian Swales yang komprehensif terhadap artikel

penyelidikan pada tahun 1990, Swales hanya menumpukan pada satu sistem iaitu struktur genre dan tidak berkongsi satu kaedah yang konsisten bagi menentukan atau mengenal pasti gerakan. Ini merupakan satu kekurangan yang terdapat pada analisis Swales yang mengakibatkan dalam kajian-kajian oleh pengkaji lain telah menghasilkan struktur yang pelbagai jenis dan jumlahnya tidak sama.

Kajian ini bagaimanapun menggunakan analisis genre Swales sebagai kerangka analisis dalam mengenal pasti struktur genre yang terdapat pada korpus yang dikaji. Bagi mendapatkan satu kaedah yang konsisten dan objektif dalam menentukan gerakan sebagai mengisi kekurangan analisis Swales ini, pengkaji telah mengenal pasti struktur generik wacana berita berdasarkan unit wacana “gerakan” yang dapat menyampaikan tujuan komunikatif, dan bukan berdasarkan unit stuktural seperti klausa dan ayat atau kriteria nahuleksikal serta kedudukan gerakan dalam teks.

Unit wacana “gerakan” dalam kajian ini telah diberi pengertian oleh McKinlay (1983) sebagai “a semantic unit which is related to the writer’s purpose”, dipetik daripada Azirah (1996: 65). Ia boleh terdiri daripada satu ayat atau lebih tetapi selalunya tidak melebihi satu perenggan. Mengikut Azirah (*ibid*: 65), gerakan boleh dianggap sebagai “struktur skematik” sesuatu genre. Van Dijk (1988) telah memberikan huraian yang mendalam terhadap struktur skema berita yang dikategorikannya di bawah struktur-makro semantik global. Dalam analisis struktur skema, van Dijk melihat makna keseluruhan teks sebagai susunan kategori-kategori skema yang berurutan serta bertatatingkat.

Sebelum memulakan analisis, pengkaji membuat penyelidikan mengenai unsur-unsur yang terkandung dalam kebanyakan berita. Kriteria yang digunakan bagi menentukan unsur yang perlu ada dalam wacana berita adalah mengikut Newsom dan Wollert (1988), yang memberikan kriteria yang perlu ada dalam kebanyakan berita. Unsur- unsur yang ditemui itu dinyatakan dalam Bab 4. Tujuan penentuan unsur-unsur tersebut ialah bagi membantu pengkaji menjadikannya sebagai asas dalam menentukan gerakan atau langkah untuk membentuk struktur organisasi wacana berita supaya dapat diaplikasikan dalam Model Swales. Pengkaji tidak dapat merujuk hasil kajian oleh pengkaji-pengkaji lain dalam bidang analisis genre kerana kebanyakan kajian tersebut dilakukan terhadap teks artikel, penyelidikan, disertasi, surat, dan kes perundangan yang genrenya berbeza daripada genre berita akhbar.

Sehingga kini, pengkaji belum menemui kajian terhadap genre berita yang menggunakan pendekatan Swales ini. Kajian oleh Gunesekera (1989) dan Tan (1994) adalah mengikut acuan Model Analisis Struktural Berita atau juga dikenali sebagai Model Skema Berita van Dijk.

Analisis kajian genre yang sebenar dimulakan dengan menentukan gerakan atau langkah yang diambil oleh wartawan dalam menulis laporan berita. Seterusnya gerakan yang telah dikenal pasti itu diperiksa dengan melihat fungsi ayat dalam gerakan tersebut sama ada ia bertepatan dengan fungsi komunikatif wacana berita. Langkah berikutnya ialah dengan melihat fungsi gerakan tersebut sama ada ia merupakan kategori wajib atau pilihan serta meneliti susunan atau kedudukan gerakan tersebut dalam korpus yang dikaji. Akhir sekali ialah membina model struktur genre wacana berita politik.

3.3.2 **Analisis Kohesi**

Analisis kohesi yang diperkenalkan oleh Halliday dan Hasan (1976) merupakan model utama yang digunakan dalam kajian ini. Tujuan analisis dijalankan ialah untuk melihat kohesi yang terdapat dalam penulisan wacana berita.

Dua kategori kohesi yang dianalisis dalam kajian ini ialah **rujukan** dan **kata hubung** seperti yang terdapat dalam *Cohesion in English* (1976) oleh Halliday dan Hasan. Walau bagaimanapun, penggolongan subkategori daripada dua (2) kategori tersebut adalah perlu disesuaikan dengan penggolongannya mengikut struktur nahu bahasa Melayu. Ini bersetujuan dengan kajian yang dibuat oleh Simon (1979: 17) yang mengkaji kohesi dalam bahasa Rusia menyatakan “as one major aspect, however, the sub-categories or system involved in the realization of these types of cohesion at times vary significantly”. Analisis Halliday dan Hasan telah menemui lima (5) kategori kohesi tetapi Simon hanya menemui empat (4) jenis sahaja kohesi dalam bahasa Rusia, iaitu rujukan, elipsis, kata hubung dan kohesi leksikal.

Analisis terhadap kategori rujukan dan kata hubung itu akan melihat perkara-perkara berikut :

1. mengenal pasti item-item rujukan dan kata hubung yang akan digunakan sebagai bahan analisis.
2. melihat fungsi rujukan dan kata hubung sebagai alat kohesif.
3. melihat arah yang dirujuk oleh alat kohesif rujukan.

4. menganalisis taburan kekerapan alat kohesi rujukan dan kata hubung.

Analisis akan dijalankan secara kuantitatif dan kualitatif. Analisis kuantitatif akan melihat taburan kekerapan dua kategori yang dikaji dengan menggunakan pendekatan “*corpus-based approach*” seperti yang telah diterangkan pada bahagian 3.2.4. Analisis kualitatif akan melibatkan penguraian fungsi dan arah rujukan dua kategori tersebut.

Ringkasan item rujukan dan kata hubung yang akan digunakan dalam analisis adalah seperti berikut:

1. Rujukan

a. Rujukan Diri (Kata Ganti Nama Diri)

- Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama : Contohnya - saya, kami dan kita.
- Kata Ganti Nama Diri Orang Kedua : Contohnya - kamu.
- Kata Ganti Nama Diri Orang Ketiga : Contohnya - dia, ia, beliau, mereka dan -nya,
- Kata Ganti Nama Diri Tanya : Contohnya - apa, mana dan siapa.

b. Rujukan Penunjuk (Kata Ganti Nama Tunjuk)

- Contohnya - ini dan itu.

c. **Rujukan Perbandingan**

- Contohnya - lain, lebih dan sama.

2. **Kata Hubung**

a. **Kata Hubung Tambahan:**

- Contohnya - dan, atau, serta.

b. **Kata Hubung Tentangan**

- Contohnya - yang, tetapi.

c. **Kata Hubung Sebab-Mussabab**

- Contohnya - kerana,

d. **Kata Hubung Tujuan**

- Contohnya - untuk, supaya, agar.

e. **Kata Hubung Waktu**

- Contohnya - lalu, kemudian, sambil, apabila, sementara,
setelah, selepas

f. **Kata Hubung Syarat**

- Contohnya - jika, kalau.

g. **Kata Hubung Relatif**

- Contohnya - yang.

h. Kata Hubung Komplemen

- Contohnya - bahawa.

3.4 KESIMPULAN

Dalam bab ini telah diberikan deskripsi terhadap data kajian iaitu wacana berita politik yang dipetik daripada akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*. Prosedur menjalankan kajian juga diuraikan yang terdiri daripada lima (5) peringkat, iaitu penentuan korpus wacana, pemeriksaan korpus, penandaan korpus, pemindahan data mentah ke bentuk data elektronik dan penganalisisan data. Kerangka analisis yang digunakan dalam kajian ini iaitu analisis genre dan analisis kohesi juga diuraikan bagi menjelaskan kaedah kajian. Pada Bab 4 berikutnya, akan dibincangkan dapatan analisis genre struktur wacana berita akhbar.